

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme
Sent: Thursday, May 4, 2017 9:34 AM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: Prof. Dr. Mohd Kamarulnizam Bin Abdullah; Dr. Noor Azimin Binti Zainol; Mohd Sukri bin Othman
Subject: GHAZALI SHAFIE EXECUTIVE ENHANCEMENT PROGRAMME (GSEEP) MENERIMA PROJEK TERBESAR DARIPADA KABUPATEN BEKASI UNTUK TEMPOH 3 TAHUN



Ghazali Shafie
Graduate School
of Government

Universiti Utara Malaysia



4 MEI 2017 / 7 SYAABAN 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Good Day,



GSEEP ONLINE : Pada 10 April 2017, pihak Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme (GSEEP) telah menandatangani Letter of Intent (LOI) dengan pihak Kabupaten Bekasi, Provinsi Jawa Barat Indonesia, untuk penawaran latihan eksekutif kepada para pegawai negeri di Bekasi. LOI tersebut telah ditandatangani oleh Drs. H.U.J.U M.Si. selaku Pembina Utama Madya (Sekretari Daerah), bagi pihak Kabupaten Bekasi, manakala pihak Universiti Utara Malaysia (UUM) pula diwakili oleh Prof. Dr. Kamarulnizam Abdullah, mewakili Naib Canselor UUM.

LOI tersebut telah ditandatangani sebagai hasil daripada kejayaan GSEEP mendapatkan projek melalui sistem “direct negotiation” (rundingan terus). Pihak GSEEP yang diketuai oleh Dekan GSGSG, Prof. Dr. Mohd Kamarulnizam Abdullah dan Pengarah GSEEP, Dr Noor Azimin Zainol. Kabupaten Bekasi merupakan antara kabupaten utama di provinsi Jawa Barat yang menjadi pusat penindustrian dan “feeder” kepada pembangunan metropolitan Jakarta.

Rundingan terus yang mengambil masa 5 jam untuk dimuktamadkan telah memberikan nilai latihan eksekutif sebanyak RM720,000 setahun untuk tempoh tiga tahun (2017-2020) kepada GSEEP. Di dalam program yang akan ditawarkan pada bulan Ogos nanti, pihak GSEEP telah diberikan kepercayaan untuk melatih para pegawai kanan dan

menengah (mid-level) di Kabupaten Bekasi. Mereka akan dibahagikan kepada empat kohot dan akan dilatih sepenuhnya oleh tenaga dan kepakaran dari Malaysia. Program eksekutif ini merangkumi projek latihan serta lawatan sambil belajar di Malaysia dan Indonesia, melalui pelbagai medium latihan secara kajian kes, perbincangan dan seminar. Kesemua latihan eksekutif tersebut akan diadakan di Kuala Lumpur.

Di samping itu juga, pihak Kabupaten Bekasi telah bersetuju untuk menganugerahkan program latihan bagi 5200 orang para kakitangan peringkat rendahnya untuk tempoh lima tahun, tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan Majlis Perwakilan Daerah Bekasi. Berikutan daripada LOI ini, satu majlis menandatangani Memorandum of Agreement (MOA) dijadualkan akan diadakan di Kuala Lumpur dalam sedikit masa lagi.

Terima kasih

Ghazali Shafie Graduate School of Government

UUM COLGIS | Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia |

Tel: +6049287751 | Fax: +6049287799 | Email: gsgsg@uum.edu.my

Website : gsgsg.uum.edu.my | Facebook : Ghazali Shafie Graduate School of Government



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.